

**SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA**

**100 KELUARGA DARI KOMUNITI LANCHANG DIRAI MENERUSI IBADAH
KORBAN**

Bentong, 12 Ogos 2019 – Kira-kira 100 keluarga dari komuniti Taman Lanchang Permai, Lanchang dekat sini, diraikan ANIH Berhad menerusi ibadah korban bersempena sambutan Aidiladha.

Program tersebut dilaksanakan menerusi inisiatif Korban Perdana hasil kerjasama antara ANIH Berhad dan Ahli Parlimen Temerloh merangkap Timbalan Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Anuar Mohd Tahir dengan kerjasama Pengurusan Surau Taman Lanchang.

Pengarah Eksekutif ANIH Berhad, Dato' Nik Fauzi Tan Sri Nik Hussein berkata, selain meneruskan amalan sempena Hari Raya Aidiladha, ibadah korban itu merupakan landasan terbaik mengukuhkan hubungan silaturahim sesama ummah terutama antara syarikat dan kalangan masyarakat Lanchang di sini.

"Tujuan utama adalah memastikan umat Islam di Lanchang bersatu dan menjadikan amalan bergotong-royong sebagai budaya hidup. Di samping itu, daging korban juga disedekahkan kepada golongan miskin supaya mereka turut menikmati limpahan rezeki daripada jajaran Lebuhraya Pantai Timur (LPT). Kami semua amat berterima kasih, semoga Allah SWT membalas jasa semua pihak terlibat," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Dalam program berkenaan, dua ekor lembu telah disumbangkan oleh ANIH Berhad untuk dikorbankan dan dagingnya diagihkan kepada penduduk dan keluarga asnaf di kawasan berdekatan sebagai tanda keprihatinan pemegang konsesi LPT yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1) dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada masyarakat.

YB Haji Anuar turut turun padang bersama komuniti Lanchang untuk memantau proses penyembelihan selain memeriahkan program ibadah korban. Program berkenaan turut disertai kakitangan surau dan masyarakat setempat yang bergabung tenaga seawal jam 9 pagi.

Melalui aktiviti gotong-royong melaksanakan korban serta memasak, ia dapat menceriakan golongan asnaf komuniti Lanchang bagi meraikan Aidiladha.

Tamat

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan
fazlyaton.hussein@mtdgroup.com.my
2. Ahmad Farizal Abdul Hajat, Pengurus, Komunikasi Korporat Kumpulan
farizal.hajat@mtdgroup.com.my
3. Sofia Roseli, Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat Kumpulan
sofia.roseli@mtdgroup.com.my

Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:

**Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan
Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6187 5055 Website : www.mtdgroup.com.my